

Bil. S 58

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2005/2006) (BIL. 1), 2005

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 22/04) bertarikh 8 haribulan Mac, 2004 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai;

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Fasal (5) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat semua peruntukan kewangan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat ribu, empat ratus tiga puluh tiga juta, lapan ratus lima puluh dua ribu dan empat ratus enam ringgit (\$4,433,852,406.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan (2005/2006), 2005 (S 22/05);

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak tiga puluh satu juta, tujuh ratus tujuh ribu dan empat ratus sembilan puluh sembilan ringgit (\$31,707,499.00);

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Fasal-Fasal (3) dan (5) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2005/2006) (Bil. 1), 2005.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2005/2006 dan peruntukan.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tiga puluh satu juta, tujuh ratus tujuh ribu dan empat ratus sembilan puluh sembilan ringgit (\$31,707,499.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2005/2006, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Perintah Perbekalan (2005/2006), 2005 (S 22/05) adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang ini adalah diperuntukkan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

[1]	[2]	[3]
Business Unit	Gelaran	Jumlah Yang Diperuntukkan Kepada Business Unit
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN		
SN07A	Jabatan Telekom	\$31,707,499.00
		\$31,707,499.00

Diperbuat pada hari ini 30 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1426 bersamaan dengan 7 haribulan Julai, 2005 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**